



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (OPERATION)

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853003
Faks (Fax): 603-88892637
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.Psi 193/26/1 Klt.4 (73)
Tarikh : 28 September 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/
Puan,

JEMPUTAN KE PERSIDANGAN PSIKOLOGI MODAL INSAN 2017

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian pihak YBhg. Tan Sri/
Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan kepada
perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam akan
menganjurkan Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 bertemakan
#SejahteraNegarakuMalaysia. Persidangan kali ini akan dirasmikan oleh
YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan penyertaan daripada sektor
awam, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan belia, pelajar universiti
dan kesatuan pekerja.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/
Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan, persidangan kali ini akan menjadi platform dalam
usaha untuk memperkasakan modal insan sektor awam dan swasta menerusi
peningkatan libat urus antara kedua-dua sektor yang akan menyumbang kepada
penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada seluruh rakyat
Malaysia.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/
Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dijemput untuk menghadiri Persidangan
ini mengikut ketetapan yang berikut :

Tarikh : 9 Oktober 2017 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi
**Tempat : Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa
Putrajaya (PICC)**
Perasmian : YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia

5. Di samping itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memberi pelepasan kehadiran kepada pegawai-pegawai/ kakitangan di bawah seliaan agensi masing-masing mengikut bilangan kuota seperti di Lampiran A. Bagi tujuan pengesahan kehadiran persidangan ini, kerjasama pegawai-pegawai/ kakitangan yang telah dicalonkan oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk menggunakan sistem pendaftaran atas talian seperti pautan di bawah **sebelum 3 Oktober 2017 (Selasa)**.

<https://sistem.jpa.gov.my/pendaftaran/e/56c36901ed9989dea638624a90f371e2/participants>

6. Bersama-sama ini dilampirkan **atur cara Majlis Perasmian Persidangan dan tentatif acara persidangan** untuk perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan. Sebarang pertanyaan lanjut **berhubung kehadiran** boleh merujuk kepada pegawai-pegawai Jabatan ini seperti mana yang dinyatakan di Lampiran A di atas manakala pertanyaan **berhubung persidangan** boleh merujuk kepada pegawai-pegawai seperti berikut :

PERTANYAAN BERHUBUNG PERSIDANGAN		
BIL	NAMA PEGAWAI/ EMEL	NO. TELEFON
1	YBr. Dr. Abdul Jalil bin Hassan jalil.hassan@jpa.gov.my	03-8885 5202 / 013-4886962
2	Encik Mohamad Fauzi bin Saad fauzis@jpa.gov.my	03-8885 5206 / 019-2849838

7. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam menjayakan persidangan ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOR INCHUN MOHAMED SALLEH)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA